

# Hentikan amalan fitnah- memfitnah: Dr M

KUALA LUMPUR, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengulangi ingatannya kepada ahli-ahli Umno supaya menghapuskan amalan fitnah-memfitnah kerana ia boleh menjejaskan perpaduan parti.

Presiden Umno itu menegaskan, fitnah membawa kesan yang buruk dan jika dibiarkan berterusan amalan itu boleh menghancurkan Umno.

"Bagi saya, saya tidak bersetuju, saya tidak terima dan akan selaya upaya lari daripada fitnah," ujarnya dalam ucapan mengru-

lung perbincangan seorang wakil bahawa amalan fitnah adalah perkara biasa dalam politik dan akan wujud selagi manusia hidup di dunia ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau terkejut dan kecewa dengan kenyataan wakil daripada Negeri Sembilan ketika membicarakan ucapan dasar Presiden di Perhimpunan Agung Umno ke-34, di sini.

Menurutnya, ketika pilihanraya 1978, beliau mengecam Pas sebagai lebih bahaya daripada komunis "kerana komunis membunuh orang, sedangkan Pas menyebarkan fitnah dan fitnah itu adalah lebih jahat daripada membunuh".

"Jika kita membenarkan fitnah, bererti kita sama dengan Pas...tentu kita tak sanggup," tegasnya disambut dengan sorakan para perwakilan.

Katanya, beliau sedar bahawa amalan fitnah tidak dapat dihapuskan sama sekali, seperti perbuatan rasuah. Tetapi ia adalah satu amalan yang keji dan patut dielakkan.

"Sebab itulah saya rela bercajak terus terang apa yang ada dalam hati saya di sini. Dulu pun saya berterus terang, bila saya tak puas hati dengan pemimpin Umno, saya kata terus terang, tak

sembunyi-sembunyi... saya hantar surat pada pucuk pimpinan, akhirnya saya diketepikan. Tapi untuk sementara waktu saja..." tegas Perdana Menteri.

"Saya pegang (prinsip) itu. Tabiat saya cakap depan-depan, lihat muka dan rekaai orang tentang apa yang saya kata, tak suka cakap belakang atau guna 'leftenan'," tambahnya.

Menyentuh tentang amarananya kepada 'leftenan' pemimpin-pemimpin tertentu dalam Umno, Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan, masalah yang timbul bukan terhadap 'leftenan-leftenan' itu, tetapi apa yang dikatakan oleh mereka.

Perdana Menteri berkata, tidak ada field marshal (panglima tertinggi), jeneral, kapten atau leftenan dalam Umno, walaupun 'tentara' Umno besar dengan jumlah hampir sejuta orang.

"Apa yang saya maksudkan dengan leftenan itu bukan loghat ketenteraan, tetapi perkataan Perancis 'lieutenant' yang bererti orang yang menggantikan tuan," ujarnya.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

No. Siri ..... 5886 .....  
No. Penerimaan ..... 203 / 86 .....